

# Tersalah lapor cukai, apa yang perlu dilakukan? – Ini jawapan LHDN

By Editor (<https://www.malakattribunenews.com/author/editor-malakat-tribune/>) - Apr 29, 2022



*Pembayar cukai yang sedang berurusan di kaunter LHDN*

MUSIM pengisytiharan pendapatan penggajian Tahun Taksiran 2021 kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan melabuhkan tirainya esok atau 30 April ini bagi yang mengemukakan borang secara manual manakala menerusi e-Filing adalah pada 15 Mei ini.

Bagi sesetengah individu, bulan ini sememangnya dinantikan kerana berkemungkinan mereka akan menerima bayaran balik cukai (tax refund) sekiranya cukai yang kena dibayar lebih rendah daripada amaun Potongan Cukai Bulanan atau Ansuran CP500.

Sungguhpun begitu, ada dalam kalangan pembayar cukai yang suka melapor cukai di saat-saat akhir yang seterusnya mendorong kepada kesilapan-kesilapan kecil dalam pelaporan cukai mereka.

Lanjutan kepada perkara itu, tindakan pindaan taksiran perlu dilakukan. Justeru, dalam artikel kali ini kami akan kongsi beberapa persoalan dan tindakan yang perlu dilakukan untuk memastikan pengisytiharan cukai anda adalah tepat dan betul berdasarkan undang-undang percukaian.

1. Adakah pindaan terhadap taksiran yang telah dilaporkan kepada LHDN masih boleh

Ya, pindaan masih boleh dibuat terhadap taksiran yang telah dilaporkan kepada LHDN.

• Terdapat tiga kaedah yang boleh dilakukan oleh pembayar cukai seperti berikut:

i. Secara manual – Pembayar cukai hadir ke cawangan LHDN sebelum tempoh yang ditetapkan menurut subseksyen 77(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) (tiada penalti dikenakan bagi tambahan cukai). Bawa bersama-sama surat rayuan / borang CP15C (Permohonan Relif kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berkenaan kesilapan atau khilaf), salinan e-Filing / borang kertas yang telah dihantar, dokumen dan resit yang berkaitan dengan pindaan taksiran berkenaan. Semua dokumen ini akan diserahkan ke cawangan LHDN yang mengendalikan fail cukai pembayar cukai tersebut; atau

ii. Borang e-BE Tahun Taksiran 2021 (individu pemastautin yang TIDAK menjalankan perniagaan) yang dikemukakan melalui e-Filing dalam tempoh iaitu antara 1 Mac 2022 hingga 15 Mei 2022 boleh menghantar permohonan pindaan secara dalam talian melalui <https://mytax.hasil.gov.my> iaitu e-Permohonan Pindaan BE bagi Tahun Taksiran 2021 bermula pada 1 April 2022. e-Permohonan Pindaan BE hanya terpakai bagi kes pembayar cukai yang terlebih melaporkan pendapatan dan yang terkurang menuntut pelepasan / rebat cukai di bawah subseksyen 131(1) ACP 1967. Jika borang BE asal dikemukakan menggunakan Borang Manual, kaedah ini tidak terpakai; atau

iii. Borang Nyata Terpinda (BNT) Tahun Taksiran 2021 turut disediakan di Portal Rasmi LHDN mulai 1 Mei 2022 bagi pembayar cukai yang ingin membuat pindaan sendiri atas maklumat atau taksiran bagi membetulkan kesilapan dalam Borang Nyata berhubung dengan :

- a. pendapatan terkurang / tidak lapor;
- b. perbelanjaan / tuntutan lain terlebih tuntutan; atau
- c. elaun modal / insentif / pelepasan yang terlebih tuntutan.

Ringkasnya BNT ini perlu digunakan bagi pindaan pengisytiharan cukai yang akan meningkatkan amaun taksiran atau jumlah cukai kena dibayar. BNT perlu dikemukakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh yang ditetapkan dalam ACP 1967 bagi pengemukaan Borang Nyata (BN) asal termasuk yang dihantar secara e-Filing di dalam tempoh yang ditetapkan.

BNT boleh dikemukakan ke cawangan LHDN yang mengendalikan fail cukai pendapatan pembayar cukai sama ada secara serahan tangan atau melalui pos. Untuk maklumat lanjut sila layari Portal Rasmi HASiL > Perundangan > Garis Panduan > Garis Panduan Bil. 1 Tahun 2020 : Prosedur Pengemukaan Borang Nyata Terpinda.

• Pindaan maklumat asas seperti nombor telefon, e-mel, alamat surat-menyurat, kediaman dan premis perniagaan serta nama dan akaun bank boleh dibuat melalui e-Kemaskini di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/>. Sebagai contoh jika pembayar cukai tersilap mengisi

**Jawapan:**

Situasi Kaedah Pindaan

Tidak sengaja TERLEBIH lapor pendapatan atau TERKURANG tuntutan pelepasan dalam Borang BE asal yang dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan.

Contoh:

A telah melaporkan pendapatan penggajian sebanyak RM500,000 dalam e-BE Tahun Taksiran 2021 pada 1 Mac 2022. A menyedari kesilapan tersebut dan pendapatan yang betul adalah RM50,000.

- Pindaan secara dalam talian iaitu melalui e-Permohonan pindaan BE yang boleh digunakan mulai 1 April 2022 di <https://mytax.hasil.gov.my>

- Jika bukan e-BE, rayuan secara manual ke cawangan LHDN berdekatan.  
Tidak sengaja TERKURANG lapor pendapatan atau TERLEBIH tuntutan pelepasan.

Contoh:

A telah menuntut pelepasan anak di bawah 18 tahun seramai tiga orang dalam e-BE TT2021. Isteri A juga menuntut bilangan anak yang sama. Setelah berbincang, A dan isteri bersetuju dua orang anak dituntut oleh isteri.

Dan A boleh menuntut bilangan seorang anak sahaja.

- Pembayar cukai boleh mengemukakan surat rayuan bersama-sama dokumen yang berkaitan ke cawangan LHDN yang mengendalikan fail atau
- Pembayar cukai yang telah mengemukakan BN asal dalam tempoh yang ditetapkan boleh mengemukakan BNT dalam tempoh enam bulan daripada tarikh akhir pengemukaan BN asal. Pembayar cukai perlu kemukakan BNT secara serahan tangan atau pos ke cawangan yang mengendalikan fail pembayar cukai.

3. Apakah jenis-jenis kesilapan yang biasa diterima oleh HASiL?


**Jawapan:**

i. Kegagalan melaporkan pendapatan yang betul.

ii. Tidak menuntut amaun pelepasan yang dibenarkan seperti tertinggal menuntut insurans nyawa, derma, caruman Tabung SSPN atau pelepasan anak.

iii. Kesilapan yang timbul daripada salah faham undang-undang.

(Contoh situasi ini: Pada tahun 2021 ramai ibu bapa yang membeli komputer/tablet bagi



**TAHUN TAKSIRAN 2021**

# PELEPASAN CUKAI INDIVIDU PEMASTAUTIN

/LHDNM

/LHDNMOFFICIAL

/LHDNM

/LhdnTube

03 - 8911 1000

---

PELEPASAN INDIVIDU

**INDIVIDU DAN SAUDARA TANGGUNGAN**  
**RM9,000**

**INDIVIDU KURANG UPAYA**  
**RM6,000**

**SUAMI ATAU ISTERI KURANG UPAYA**  
**RM5,000**

**SUAMI/ISTERI/ALIMONI KEPADA BEKAS ISTERI**  
**RM4,000**

**YURAN PENGAJIAN DIRI SENDIRI**  
**RM7,000**

- TERMASUK KURSUS UPSKILLING ATAU SELF-ENHANCEMENT DALAM APA-APA BIDANG KEMAHIRAN YANG DIKIRIF OLEH KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (TERHAD RM1,000)

---

GAYA HIDUP, PERUBATAN DAN PERALATAN BERKAITAN

**PERBELANJAAN MELANCONG DALAM NEGARA**  
**RM1,000**

- PENGINAPAN DI PREMIS YANG BERDAFTAR  
- BAYARAN MASUK KE PUSAT TARIKAN PELANCONGAN

**GAYA HIDUP**  
**RM2,500**

- PEMBELIAN BAHAN BACAAN  
- PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET  
- BAYARAN LANGGANAN INTERNET  
- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN & BAYARAN KEAHLIAN GYMNASIUM

**PEMBELIAN PERALATAN PENYUSUAN**  
**RM1,000**

- PEMBAYAR CUKAI WANITA SAHAJA  
- ANAK BERUMUR KURANG 2 TAHUN  
- TUNTUTAN DIBUAT SEKALU SETIAP 2 TAHUN

**RAWATAN PERUBATAN KEPERLUAN KHAS DAN PENJAJAAN IBU BAPA**  
**RM8,000**

**TAMBAHAN**  
**RM2,500**

- PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI, TELEFON PINTAR/TABLET

**PERBELANJAAN PERUBATAN BAGI PENYAKIT SERIUS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK) & PERBELANJAAN RAWATAN KESUBURAN (DIRI SENDIRI ATAU PASANGAN)**  
**RM8,000**

- TERMASUK RAWATAN PERUBATAN PENUH, UJIAN PENGESANAN COVID-19 DAN VAKSINASI YANG DIBENARKAN (TERHAD RM1,000)

**PERALATAN ALAT SOKONGAN ASAS (INDIVIDU/SUAMI/ISTERI/ANAK/IBUBAPA OKU)**  
**RM6,000**

**TAMBAHAN GAYA HIDUP BERKAITAN AKTIVITI SUKAN**  
**RM500**

- PEMBELIAN PERALATAN SUKAN  
- SEWAAN/FI DI MANA-MANA FASILITI SUKAN  
- FI PENDAFTARAN PENYERTAAN PERTANDINGAN

---

PELEPASAN ANAK

**ANAK BERUMUR DI BAWAH 18 TAHUN**  
**RM2,000**

- BELUM BERKAHWIN

**ANAK KURANG UPAYA**  
**RM6,000**

**ANAK BERUMUR DI ATAS 18 TAHUN**  
**RM2,000**

- BELUM BERKAHWIN  
- BELAJAR SEPENUH MASA

**YURAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK/ TADIKA BERDAFTAR**  
**RM3,000**

- BERUMUR 6 TAHUN DAN KE BAWAH  
- DIBENARKAN TUNTUTAN SAMA ADA SUAMI ATAU ISTERI

**TAMBAHAN BAGI ANAK KURANG UPAYA**  
**RM8,000**

- BELUM BERKAHWIN  
- BELAJAR DI IPT (DIPLOMA DAN KE ATAS)

---

**INSURAN NYAWA DAN KWSP \* INDIVIDU PENJAWAT AWAM BERPENECEN**  
**RM7,000**

ATAU

**SELAIN PENJAWAT AWAM \* INSURAN NYAWA/TAKAFUL**  
**RM3,000**

\* KWSP/SKIM YANG DILULUSKAN  
**RM4,000**

**CARUMAN DAN SUMBANGAN**


**PERKESO PERKESO**  
**RM250**

**SKIM PERSARAAN DAN ANUITI TERTUNDA**  
**RM3,000**

**INSURAN PERUBATAN DAN PENDIDIKAN (INDIVIDU/PASANGAN/ANAK)**  
**RM3,000**

**SSPN (TABUNGAN BERSIH)**  
**RM8,000**

**KEMASKINI SEHINGGA 22 DISEMBER 2021**



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

Pelepasan cukai individu

Resit pembelian komputer/tablet tersebut telah diletakkan atas nama anak. Oleh yang

(Contoh: Derma yang layak dituntut adalah derma kepada Kerajaan / Kerajaan negeri / institusi yang layak di bawah Seksyen 44(6). Senarai institusi boleh disemak di portal rasmi LHDN <https://www.hasil.gov.my/pautan-pantas/perkhidmatan/derma/>

3. Berapa kalikah pindaan boleh dibuat?

**Jawapan:**

- Pembayar cukai yang telah mengemukakan BN dalam tempoh ditetapkan dibenarkan untuk membuat pindaan melalui e-Permohonan Pindaan BE dan melalui BNT dan ianya terhad kepada sekali sahaja.
- Walau bagaimanapun, sekiranya masih terdapat pindaan selepas permohonan pindaan pertama dibuat, pembayar cukai perlu mengemukakan surat rayuan beserta dokumen dan resit yang berkaitan ke cawangan yang mengendalikan fail cukai mereka.
- Pastikan semakan telah dibuat dengan betul supaya tidak perlu lagi membuat pindaan atas pindaan.

4. Adakah pindaan yang dibuat sendiri melalui BNT oleh pembayar cukai boleh mengakibatkan apa-apa perubahan pada taksiran cukai?

**Jawapan:**

- Ya, betul.
- Pindaan sendiri boleh menyebabkan perubahan seperti:
  - a) Daripada tidak kena cukai kepada kena cukai.
  - b) Daripada kena cukai kepada cukai tambahan.
  - c) Daripada terima bayaran balik berkemungkinan tiada bayaran balik, malah akan wujud baki cukai kena dibayar.

5. Elakkan kesilapan dalam pelaporan cukai.

- Pastikan kiraan manual telah dibuat bagi resit-resit yang ada terlebih dahulu, kumpulkan dalam satu fail, input boleh dikunci masuk pada Borang Nyata manual atau e-Filing. Tidak salah untuk membuat kiraan beberapa kali atau mengemaskini maklumat dalam e-Filing untuk kepastian selagi belum klik butang HANTAR.
- Buat perbandingan dengan pasangan (bagi yang telah berkahwin), dengan cara membuat pengiraan cukai (tax computation) terlebih dahulu. Dari situ kita dapat mengenal pasti

suami/isteri menuntut anak yang sama dalam e-BE masing-masing disebabkan tiada perbincangan antara pasangan. Proses audit akan dijalankan atas pelaporan maklumat yang tidak tepat oleh pembayar cukai.



Kesimpulannya, masalah tersalah lapor ini boleh dielakkan jika pembayar cukai menyemak dengan meneliti maklumat yang telah dikunci masuk beserta resit-resit berkaitan sebelum borang BE dihantar. Pembayar cukai juga dinasihatkan supaya cakna dengan maklumat terkini percukaian yang boleh diakses di portal rasmi LHDN [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau boleh merujuk artikel-artikel yang pernah diterbitkan sebelum ini contohnya:

- Elak penalti, amalkan lapan tips ini ketika isi borang e-Filing  
<https://www.malakattribunenews.com/2021/03/elak-penalti-amalkan-8-tips-ini-ketika-isi-borang-e-filing/>

Terima kasih #KeluargaMalaysia, jangan lupa tanggungjawab anda lapor dan bayar cukai dengan betul demi kelestarian percukaian negara.

Disediakan oleh:  
Bahagian Komunikasi  
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
LHDN

(<https://www.malakattribunenews.com/author/editor-malakat-tribune/>)

**Editor** (<https://www.malakattribunenews.com/author/editor-malakat-tribune/>)